



KENYATAAN MEDIA

**INSTITUT PENYELIDIKAN KESELAMATAN JALAN RAYA MALAYSIA
LANTIKAN EMPAT INDIVIDU BAHARU DALAM *MIROS ROAD SAFETY AFFILIATES* MERUPAKAN LANGKAH PROAKTIF DAN BERSEPADU MIROS
BAGI MENANGANI ISU KESELAMATAN JALAN RAYA**

15 SEPTEMBER 2021

1. Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) dengan sukacitanya memaklumkan pelantikan Dato' Hj Ahmad Nasir bin Abdul Gani (Perunding Utama, DAN Training and Consultancy), Mejar (B) Hj Safarudin Bin Jalil (Ahli Jawatankuasa Piawaian Industri Malaysia untuk Pengangkutan), Professor Madya Ahamad Tarmizi bin Azizan (Pensyarah, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan), dan Tuan Tengku Ahmad Marwan bin Tengku Mahmud (Juru Perunding dan Pengasas, MyRideSafe Consultancy) sebagai *MIROS Road Safety Affiliates* yang berkuat kuasa pada 1 Julai 2021 sehingga 5 Mei 2022. Empat individu baharu yang dilantik ini adalah dibenarkan untuk menggunakan gelaran *MIROS Road Safety Affiliates* di dalam urusan rasmi.
2. Lantikan individu tersebut sebagai *MIROS Road Safety Affiliates* merupakan satu pengiktirafan secara rasmi kepada individu dari luar MIROS yang bukan sahaja memiliki kepakaran dalam bidang yang tertentu bahkan mempunyai minat dan semangat juang yang tinggi dalam usaha untuk membantu menangani isu berkaitan keselamatan jalan raya demi kepentingan umum.
3. Bukan sahaja itu, malah pelantikan ini juga dapat menambah dan memperluaskan lagi jaringan kerjasama dan kesepakatan di antara MIROS dengan pihak universiti dan Organisasi Bukan Kerajaan (NGO) yang aktif di dalam bidang keselamatan jalan raya agar dapat membantu MIROS dalam mencapai misi dan visinya seterusnya

menggambarkan kepada orang awam bahawa semua pihak saling bersatu demi keselamatan jalan raya.

4. Pada 14 Julai 2020 yang lalu, MIROS telah melantik Profesor Dr. Kulanthayan K.C. Mani (Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia), Profesor Madya Dr. Law Teik Hua (Ketua, Pusat Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya, Universiti Putra Malaysia) dan Encik Ahmed Ismail bin Haji Amin (Ahli dan Bendahari Kehormat, Majlis Keselamatan Jalan Raya Malaysia) sebagai *MIROS Road Safety Affiliates* bagi membantu MIROS dalam memberi pandangan dan buah pikiran mengenai isu keselamatan jalan raya. Pelantikan empat lagi individu ini diharapkan dapat bekerjasama dan berganding bahu untuk mencapai matlamat dan objektif MIROS berpandukan lima Teras Penyelidikan yang menjadi kunci dalam melaksanakan strategi-strategi dan program-program intervensi keselamatan jalan raya.
5. MIROS merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua *MIROS Road Safety Affiliates* yang telah dilantik.

###

Dikeluarkan oleh:

Unit Korporat dan Pengurusan Ilmu

Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS)

Lot 125-135, Jalan TKS 1, Taman Kajang Sentral, 43000 Kajang, SELANGOR

Tel: 03 - 8924 9200 E-mel: inquiry@miros.gov.my